

**TALKING POINT**  
**BRIG. JEN. DATUK PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN**  
**NAIB CANSELOR**  
**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**  
**SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN**  
**PADA 14 NOVEMBER 2014**  
**DI GELANGGANG SERBAGUNA KAMPUS KUBANG GAJAH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

**Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP**

**SALUTASI**

**Yang Berbahagia Timbalan- Timbalan Naib Canselor UniMAP**

**Yang Berusaha Pegawai –Pegawai Utama Universiti**

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao, Magandang umaga (Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai), Saba' Hal 'Khair.

**KATA ALU-ALUAN**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah swt kerana dengan keizinanNya, dapat kita bersama-sama pada pagi yang berbahagia ini. Terima kasih saya ucapkan buat semua warga UniMAP yang sentiasa memberikan sokongan kepada aktiviti senamrobik ini.

Hadirin dan hadirat sekalian

## **INFO PSIKOLOGI**

2. Minggu ini kita akan berkongsi Info Psikologi mengenai peranan **“Majikan Sebagai Kaunselor”**. Secara umumnya, kita memahami bahawa kaunselor merupakan individu yang boleh dipercayai, sentiasa memberi bantuan dan merupakan sumber penyelesaian sesuatu masalah. Umum juga turut memandang kaunselor sebagai individu yang mempunyai sifat peribadi yang baik, sentiasa berfikiran positif dan mempunyai tahap kematangan emosi yang tinggi dalam mendepani sesuatu cabaran sama ada yang melanda diri sendiri atau orang lain.
3. Dalam topik kali ini yang akan membincangkan mengenai majikan sebagai “kaunselor”, bukanlah bermaksud bahawa setiap majikan itu perlu mempunyai kepakaran dalam bidang kaunseling sebagaimana yang dimiliki oleh kaunselor profesional yang sememangnya terlatih dan menjalankan tugas mereka sebagai kaunselor. Sebaliknya, penerapan ciri-ciri umum kaunselor dalam diri seseorang majikan itu amat penting terutama bagi mewujudkan suasana kerja yang harmoni dan kondusif agar dapat membimbing pekerja dan organisasi ke arah budaya kerja yang cemerlang.
4. Kajian-kajian yang ditunjukkan oleh Levin dan Lockhed (1993), Mortimore (1998), Cheng (1996), Scheerens dan Bosker (1997) membuktikan bahawa pemimpin atau majikan sebagai elemen penting mewujudkan organisasi yang berkesan. Menurut Beatty (2001), proses ini akan berlaku apabila pemimpin dalam sesebuah organisasi sering melakukan perubahan dan meningkatkan kecemerlangan subordinat, sering melihat ke dalam dirinya (muhasabah diri) dan bertindak balas terhadap emosi dirinya secara keseluruhan, dinamik dalam melaksanakan tugas dan belajar membuat pertimbangan terhadap diri dan orang lain. Kemampuan ini dikaitkan dengan keterampilan dalam mengurus emosi diri sendiri, staf dan pelanggan, kebolehsuaian, bermotivasi, berinisiatif, sikap optimis, pemangkin perubahan, bersikap telus, empati dan mempunyai keyakinan diri (Goleman, 2000).

5. Bagi memastikan bahawa seseorang majikan itu dapat dilihat sebagai seorang “kaunselor” maka antara ciri-ciri yang boleh diterapkan dalam diri masing-masing ialah:

- **Kebolehan menjadi pendengar yang baik kepada staf.** Dalam hal ini kita tidak dapat menafikan sebagai seorang manusia adakalanya staf dibawah seliaan kita menghadapi masalah ataupun kesulitan hidup sehingga ada yang menyebabkan kemerosotan prestasi kerja. Justeru sebagai seorang majikan, kita perlu lebih prihatin terhadap perubahan emosi dan tingkahlaku pekerja, mampu memahami masalah yang dihadapi serta memberi dorongan yang membina agar pekerja dapat menyelesaikan masalah mereka dengan lebih baik tanpa menjejaskan kualiti kerja mereka.
- **Kemahiran komunikasi yang berkesan** di antara majikan dengan pekerja dapat menggalakan motivasi di kalangan para pekerja. Budaya pengiktiran serta kata-kata penghargaan seperti ucapan “**terima kasih, tahniah, good job**” dan sebagainya terhadap staf yang menjalankan tugas mereka dengan baik dan sempurna mampu meningkatkan tahap kualiti kerja yang lebih baik malahan majikan juga akan dilihat lebih mesra untuk didekati oleh pekerja. Justeru, hal ini akan dapat merapatkan jurang diantara majikan dan staf. Sekiranya terdapat kesalahan yang dilakukan oleh staf, seseorang majikan perlu bijak memberi teguran agar mereka lebih faham mengenai kesalahan dan dan perkara yang perlu diperbaiki.
- **Mempunyai sifat empati terhadap pekerja.** Empati bermaksud seseorang itu benar-benar memahami situasi yang dialami oleh orang yang dibimbing seolah-olah dia sendiri yang mengalami perkara tersebut. Ia juga bermaksud seseorang itu cuba meletakkan dirinya pada

permasalahan yang dihadapi oleh orang yang dibimbing. Justeru sifat empati yang terdapat dalam diri majikan terhadap pekerja dapat membantu meningkatkan rasa hormat dan percaya dalam diri pekerja terhadap majikan mereka.

- **Mempunyai tingkahlaku asertif diri.** Arsetif bermaksud tegas diri dalam menyatakan pendirian tanpa menyebabkan orang lain merasa tersinggung. Ia juga berkaitan dengan sifat berterus terang dalam menyatakan perasaan. Sebagai seorang majikan yang perlu memikul tanggungjawab yang berat dalam sesebuah organisasi, sifat tegas diri perlu disematkan dalam diri masing-masing agar kepimpinan mereka tidak mudah dipertikai oleh staf.
  - **Menguasai kemahiran asas dalam kaunseling.** Sebagai seorang majikan, ilmu asas mengenai kaunseling amat penting bagi membantu diri sendiri dan staf dalam menangani sesuatu isu yang timbul agar dapat mencari jalan penyelesaian yang lebih efektif.
6. Apabila kita dilantik sebagai seorang ketua atau majikan, kita perlu melihat bahawa kepercayaan telah diberikan terhadap kita untuk menerajui sesebuah organisasi. Malahan pengiktirafan tersebut juga merupakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita. Justeru, sebagai majikan yang baik, seseorang itu mampu memimpin pekerjaanya untuk mencapai matlamat organisasi. Sehubungan itu, sebagai cadangan kepada semua majikan atau ketua, kita perlu melengkapkan diri dengan ilmu kepemimpinan serta kemahiran asas mengenai kaunseling agar kita dapat menerapkan nilai atau ciri-ciri seorang kaunselor dalam diri kita supaya dapat membantu diri dan orang lain. Di sini saya ingin memetik kata-kata seorang Ulama terkenal **HAMKA**

***“Orang yang berjiwa merdeka, tidak gentar menghadapi tanggungjawab. Dan kemerdekaan jiwa yang disertai dengan kemerdekaan budi, tidak dapat dibeli dengan harta-benda dan kedudukan yang tinggi”***

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **PROGRAM YANG TELAH BERLANGSUNG**

#### **4th World University Woodball Championship (WUWC) 2014**

7. Alhamdulillah, selesai sudah 4th World University Woodball Championship (WUWC) 2014 anjuran bersama UniMAP dengan kerjasama Persekutuan Sukan Universiti Antarabangsa (FISU) dan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum) yang berlangsung pada 21 hingga 26 Oktober lalu di mana menyaksikan pasukan daripada Thailand telah mengungguli kutipan pingat bagi kejohanan ini.
8. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua jawatankuasa yang telah bertungkus lumus bekerja keras dalam memastikan kejohanan ini berjalan lancar, terutama sekali kepada Pusat Sukan UniMAP. Sesungguhnya hanya Allah yang dapat membalas jasa baik tuan-puan semua.

Hadirin dan hadirat sekalian,

### **R&D DAN KEJAYAAN ANTARABANGSA**

9. Alhamdulillah, di penghujung tahun ini kita diserikan dengan beberapa kejayaan antarabangsa yang berjaya kita raih antaranya Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) sekali lagi menerima pengiktirafan antarabangsa apabila meraih anugerah "The Golden Europe Award for Quality & Commercial

Prestige" bagi tahun 2014. Anugerah berprestij bagi aspek kualiti dan pengkomersialan itu dianugerahkan kepada UniMAP oleh Association Otherways Management & Consulting - France (OMAC).

10. Di samping itu, para penyelidik kita sekali lagi menyerlah apabila meraih tujuh anugerah emas di pameran **British Invention Show (BIS) 2014** yang berlangsung di Barbican Exhibition Centre London, baru-baru ini. Lebih manis lagi, kejayaan itu mendapat perhatian **Perdana Menteri, Y.A.B Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak** dan **Yang Berhormat, Menteri Pendidikan II Dato' Seri Idris Jusoh** dan mengucapkan tahniah atas kejayaan UniMAP di BIS 2014 di laman twitter mereka.
11. Kejayaan seterusnya adalah di **International Trade Fair, Ideas, Inventions & New Products (IENA 2014)**, Jerman, apabila kesemua tiga produk yang dihantar berjaya meraih dua emas dan satu perak selain satu anugerah khas. Semoga kejayaan ini akan menjadi dorongan buat penyelidik-penyelidik lain di UniMAP terutama generasi baru.

Hadirin dan hadirat sekalian,

12. Kita juga amat berbangga dengan pencapaian Dr. Noorhafiza Muhamad atas **Anugerah Nasional Fellowship Untuk Wanita dalam Sains oleh L'oreal Malaysia**. Untuk makluman, kejayaan ini telah diraih UniMAP sebanyak empat kali berturut-turut oleh penyelidik wanita UniMAP sejak 2011 iaitu Dr. Ong Hui Lin diikuti Dr. Hakimah Othman dan Dr. Ruslinda A. Rahim.
13. Satu lagi kejayaan manis telah kita kecapai apabila pembentang kertas UniMAP berjaya meraih lima anugerah kertas kerja terbaik di **Malaysian Technical Universities Conference On Engineering and Technology (MUCET 2014)**. Kesemua kejayaan-kejayaan yang diperolehi menunjukkan bahawa kita berada di laluan penyelidikan yang produktif serta diiktiraf di dalam dan luar negara.

14. Seperti yang kita sedia maklum, UniMAP tidak hanya menumpukan bidang penyelidikan dan akademik semata-mata. Baru-baru ini, pasukan bolasepak UniMAP telah berjaya merangkul dua gelaran juara bagi **Piala Yayasan Tuanku Syed Putra** dan **Piala Tuanku Syed Putra**. Malah pelajar antarabangsa telah meraih tempat kedua pada **2nd Maal Hijrah Arabic Debate Championship** yang berlangsung di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan memenangi kategori **Tarian Tradisional Terbaik** pada **1 World Culture** di Nilai University, Negeri Sembilan baru-baru ini.
15. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan di atas segala kejayaan yang telah diperolehi selama ini. Terima kasih juga saya ucapkan di atas kerja keras semua warga UniMAP selama ini bagi mengharumkan nama UniMAP yang kita sayangi ini.

## **PENUTUP**

16. Rasanya cukuplah sampai disini saja ucapan saya untuk pagi ini. Akhir kata, saya berharap agar kita sentiasa bersyukur dengan apa yang dikurniakan Ilahi selama ini dan akan terus berusaha untuk menjadikan impian 500 universiti terbaik dunia menjelang tahun 2020 menjadi kenyataan.

Sekian, saya sudahi dengan Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.